



**SOALAN LAZIM (FAQ)  
PEMBUKAAN SEMULA LATIHAN  
INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)  
JABATAN TENAGA MANUSIA (JTM)  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM)  
17 JULAI 2020**

Soalan Lazim (FAQ) ini adalah bagi persediaan pembukaan semula 32 buah Institusi Latihan Kemahiran Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di bawah KSM.

**A. PELAJAR BARU SESI 2/2020**

- 1. Bilakah Pendaftaran Pelajar ILJTM dan bagaimanakah kaedah pendaftarannya?**
  - a. **Pelajar Baharu Lulusan SPM** : Pelajar akan mendaftar secara atas talian bermula **1 hingga 26 September 2020** seperti yang telah dinyatakan dalam surat tawaran.
  - b. **Pelajar Baharu Program Integrasi sambung Diploma, Pelajar Baharu Lulusan SKM menyambung Diploma dan Pelajar Baharu Kursus Teknologi Elektrik**: Pelajar akan mendaftar secara terus ke institut sepertimana yang tertera dalam surat tawaran pada **29 November 2020 (Ahad)**.
- 2. Bagaimanakah kaedah pembelajaran yang bakal berlangsung?**

Pembelajaran bagi Pelajar Lulusan SPM akan dilaksanakan secara **atas talian bermula 27 September 2020 sehingga 26 Disember 2020** seterusnya pelajar akan menjalani pembelajaran secara bersemuka di institut masing-masing **bermula 27 Disember 2020**.
- 3. Bagaimanakah jika pelajar tidak mempunyai akses kepada kemudahan internet?**

Pelajar boleh menggunakan kemudahan internet di mana-mana Pusat Internet Komuniti/ ILJTM/Universiti Awam/Sekolah yang berkolaborasi dengan ILJTM yang berdekatan.
- 4. Adakah pelajar peringkat sijil layak menerima elaun saku?**

Ya, kesemua pelajar yang telah membuat pengesahan pendaftaran dan memulakan latihan adalah layak untuk menerima elaun saku berjumlah RM 100.00 setiap bulan, pelajar hendaklah melengkapkan segala dokumen bagi tujuan pembayaran elaun semasa pendaftaran atas talian.

## **B. PELAJAR SEDIA ADA (LAMA)**

- 5. Bilakah Pendaftaran Pelajar sedia ada dan bagaimanakah kaedah pendaftarannya?**
  - a. **Pelajar ADTEC dan JMTI : menyambung semester** akan mendaftar secara terus ke institut masing-masing pada **20 September 2020 (Ahad)**.
  - b. **Pelajar ILP : menyambung semester** akan mendaftar secara terus ke institut masing-masing pada **1 September 2020 (Selasa)**.
- 6. Bagaimanakah kaedah pembelajaran yang bakal berlangsung?**

Pembelajaran bagi Pelajar sedia ada akan dilaksanakan secara bersemuka di institut masing-masing sejurus pendaftaran selesai iaitu pada **1 September 2020 bagi Pelajar ILP dan 20 September 2020 bagi Pelajar ADTEC dan JMTI**. Pelajar perlu mematuhi semua **Prosedur Operasi standard (SOP) dan Garis Panduan yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)**.
- 7. Bagaimanakah pendaftaran pelajar yang tinggal di asrama ILJTM dilaksanakan?**

Sesi pendaftaran asrama akan dilaksanakan pada hari pendaftaran institut.

## **C. PESERTA KURSUS JANGKA PENDEK (KJP)**

- 8. Bilakah Kursus Jangka Pendek (KJP) akan bermula?**

KJP di semua ILJTM dibenarkan **mula beroperasi dari 15 Julai 2020**.
- 9. Bagaimanakah kaedah pembelajaran peserta KJP?**

Pelaksanaan kelas teori dilaksanakan secara bersemuka di bilik kuliah atau auditorium. Manakala latihan amali di bengkel dibuat secara individu atau secara berkumpulan.
- 10. Adakah peserta KJP wajib memakai pelitup muka dan membawa *hand sanitizer*?**

ILJTM tidak menyediakan hand sanitizer dan pelitup muka kepada peserta sepanjang kursus dijalankan. **Peserta KJP digalakkan memakai pelitup muka (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala dan membawa *hand sanitizer*.**
- 11. Adakah peserta KJP wajib menginap di asrama yang disediakan?**

Peserta KJP **tidak diwajibkan** menginap di asrama sepanjang tempoh kursus. Peserta boleh memohon dengan institut jika berhasrat untuk menginap di asrama dan kelulusan adalah tertakluk kepada kekosongan.